

'Kami puas hati langkah DBKL'

KUALA LUMPUR 23 Jun – Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu (PPPKM) Cawangan Datuk Keramat gembira dan berpuas hati dengan jalan penyelesaian yang diambil oleh kerajaan berhubung kemelut Keramat Mall.

Pengerusinya, Shoid Chee berkata, mereka bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Dewan-Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyelesaikan beberapa isu yang menyebabkan ahli-ahli PPPKM Datuk Keramat enggan berpindah ke pasar baru berkenaan sebelum ini.

"Kami gembira dan berpuas hati dengan pendekatan yang diambil oleh Menteri dan Datuk Bandar.

"Ini termasuk cadangan untuk membina bangunan tambahan itu," katanya selepas pertemuan dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Datuk Bandar, Datuk Ahmad Fuad Ismail di Menara DBKL di sini hari ini.

Menurutnya, Raja Nong Chik dan Ahmad Fuad telah menunjukkan sikap sedia mendengar pandangan rakyat.

"Inilah sikap seorang pemimpin," katanya.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, Raja Nong Chik dan Ahmad Fuad juga meminta cadangan pihak persatuan mengenai kerja-kerja penambahan yang perlu dilakukan.

"Mereka bersetuju mempertimbangkan cadangan kami agar tempat letak kereta dan isi tempat pengungahan di bahagian lantai dua pasar kerana ia tidak diperlukan. Jika kita ada pasar basah akan bertempat di bangunan tambahan nanti," ujarnya.

Mengenai program pemindahan peniaga barang kering yang dijangka dilakukan



RAJA Nong Chik Raja Zainal Abidin berbual dengan Shoid Chee sebelum mulakan perbincangan dengan PPPKM Datuk Keramat di Menara DBKL, Kuala Lumpur, semalam.

pada Oktober ini, Shoid berkata, pihaknya tiada halangan walaupun tidak begitu bersetuju pemindahan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Menurutnya, pihaknya bimbang pemindahan secara berperingkat akan menyebabkan perniagaan peniaga barang kering tidak berjalan lancar seperti diharapkan

kerana ketiadaan pasar basah.

"Kita kena juga melihat kepada tujuan pembinaan pasar. Tujuan utama orang ke pasar kerana nak beli ikan, sayur, daging... barang basah. Barang kering seperti alat solek, kain baju dan sebagainya adalah sampingan sahaja."

"Tetapi kami tiada halangan. Persatuan

tidak mahu dilihat menghalang jika ada yang hendak berpindah," ujarnya.

Sehubungan itu, pihaknya berharap DBKL memenuhi janjinya untuk membantu mempromosi Keramat Mall sebagai destinasi beli-belah di Lembah Keramat agar aktiviti perniagaan di situ menerima sambutan.